

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

:

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah artikel 5 (i & ii) yang dinyatakan dalam Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD) tersebut bertentangan kepada kuasa autonomi imigresen Sarawak dan Sabah. Adakah artikel 5 (d)(vii) akan menjadi isu perkahwinan sama seks.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI, DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia bukan Negara Pihak kepada *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD).
2. Artikel 5(d)(i) dan 5(d)(ii) ICERD memperuntukkan hak-hak sivil yang perlu dijamin oleh Negara Pihak iaitu hak kebebasan bergerak dan menetap di dalam sempadan negara dan hak untuk meninggalkan sesebuah negara, termasuk negaranya sendiri, dan untuk kembali ke negaranya.
3. Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada ICERD dan oleh yang demikian Artikel 5(d)(i) dan 5(d)(ii) ICERD tidak terpakai bagi Malaysia, namun Malaysia sentiasa komited dalam memenuhi komitmen antarabangsa sebagai salah sebuah negara anggota Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memastikan hak asasi manusia termasuk hak kebebasan bergerak adalah terjamin selagi mana hak tersebut tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang domestik lain yang berkaitan.

4. Hak kebebasan bergerak bagi seseorang individu di Negara ini jelas diperuntukkan dalam Fasal (2) Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tertakluk kepada Fasal (3) Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan dan mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Persekutuan atau bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan awam, atau penghukuman pesalah, tiap-tiap warganegara berhak untuk bergerak dengan bebas di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.

5. Selanjutnya, Bab 2 Bahagian VII Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*] mengandungi peruntukan khas berhubung dengan undang-undang imigresen di Sabah dan Sarawak sebagai unit yang berasingan daripada Semenanjung Malaysia. Peruntukan khas ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak untuk memberikan arahan kepada Pengarah Imigresen Negeri Sabah dan Pengarah Imigresen Negeri Sarawak, antara lain, untuk tidak mengeluarkan permit atau pas kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang tertentu, dan membatalkan sebarang permit, pas atau sijil yang telah dikeluarkan kepada orang yang tertentu atau menganggap orang yang tertentu itu sebagai imigran yang tidak dikehendaki.

6. Artikel 5(d)(vii) ICERD memperuntukkan kewajipan Negara Pihak untuk melarang dan menghapuskan diskriminasi perkauman serta menjamin hak kesamarataan setiap orang di sisi undang-undang terhadap kebebasan pemikiran, pegangan dan agama. Sebagaimana yang telah dinyatakan, Malaysia bukan Negara Pihak kepada ICERD dan oleh itu Artikel 5(d)(vii) ICERD juga tidak terpakai bagi Malaysia.

7. Hak kebebasan beragama seseorang individu di Negara ini diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa setiap orang berhak menganuti dan

mengamalkan agamanya, dan tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, boleh mengembangkannya.

8. Undang-undang yang terpakai bagi orang bukan Islam berhubung dengan perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya ialah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*], manakala undang-undang keluarga Islam yang diperuntukkan oleh setiap Negeri terpakai bagi orang Islam.

9. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 69(d) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, suatu perkahwinan bagi orang bukan Islam hendaklah menjadi tidak sah jika pihak-pihak kepada perkahwinan itu masing-masing bukan merupakan seorang lelaki dan perempuan.

10. Berdasarkan undang-undang keluarga Islam yang diperuntukkan oleh setiap Negeri, suatu perkahwinan itu hendaklah memenuhi hukum Syarak yang ditetapkan iaitu antara seorang lelaki dan perempuan. Oleh itu, mengikut ketetapan hukum Syarak, perkahwinan sesama jantina adalah tidak sah.

Sekian, terima kasih.